

Tema 2: Kesihatan dan Kebersihan

Objektif Pembelajaran

Pada akhir aktiviti, murid dapat:

1. Menyebut dan menggunakan perkataan yang berkaitan dengan kesihatan dan kebersihan.
2. Menyampaikan maklumat dengan intonasi yang betul dan sesuai dalam situasi mudah.

Bahan yang Diperlukan

Roda kata

Langkah-langkah Aktiviti

1. Guru menyediakan roda kata yang mengandungi perkataan bertemakan kesihatan dan kebersihan (Contoh: mandi, gosok gigi, makan sayur-sayuran, cuci tangan dan bersenam).
2. Guru putarkan roda kata di hadapan murid-murid.
3. Setiap murid perlu menyebut perkataan yang dipaparkan pada roda kata secara rawak.
4. Murid diminta untuk membina ayat ringkas secara lisan.
5. Murid perlu menyebut ayat yang dibina di hadapan rakan-rakan di dalam bilik darjah.
6. Semua murid perlu mengambil giliran.
7. Guru memberikan maklum balas.